# TABUNG SIMPANAN PENDIDIKAN ANAK PERAK
# SOALAN LAZIM

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Apakah Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak? | Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak merupakan sumbangan tunai kerajaan Negeri Perak berjumlah RM 200 dalam bentuk “Akaun Simpan SSPN Prime” yang diuruskan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi setiap kelahiran yang layak. Penerima manfaat (anak) hendaklah warganegara Malaysia, kelahiran Negeri Perak dan hendaklah berumur 13 tahun ke bawah pada tarikh permohonan. |
| 2. | Siapakah yang layak untuk memohon Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak? | Anak kelahiran Negeri Perak **SAHAJA** termasuk kelahiran dari kawasan sempadan Negeri Perak (Hulu Perak, Kerian, Bagan Datuk dan Muallim) **dan** MEMPUNYAI PENDAPATAN ISI RUMAH DI BAWAH RM7,500 (bermula 1 Januari 2023). |
| 3. | Bagaimanakah cara untuk mendapatkan borang permohonan Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak? | Borang permohonan boleh diperolehi dari Pejabat Yayasan Perak **ATAU** Cawangan PTPTN yang berdekatan **ATAU** muat turun di laman sesawang Yayasan Perak. Borang permohonan yang lengkap boleh dihantar tangan **ATAU** melalui pos ke pejabat Yayasan Perak. |
| 4. | Jika saya kelahiran anak Negeri Perak tetapi ibu atau ayah saya adalah bukan kelahiran Negeri Perak, adakah saya layak memohon? | Ya. |
| 5. | Jika saya bukan anak kelahiran Negeri Perak tetapi ibu atau ayah saya adalah kelahiran Negeri Perak, adakah saya layak memohon? | Tidak. |
| 6. | Berapa kalikah saya layak memohon? | Permohonan hanya boleh dibuat **SEKALI (1) sahaja** bagi setiap kelahiran. |

<table>
<tr><td>7.</td><td>Bagaimanakah cara untuk saya menyemak status permohonan saya?</td><td>Semakan boleh dilakukan secara atas talian di laman sesawang rasmi Yayasan Perak atau melalui panggilan telefon ke Yayasan Perak.</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Jika permohonan saya berjaya, berapa lamakah tempoh proses pembayaran yang akan diambil?</td><td>Bagi permohonan yang berjaya, pembayaran akan mengambil masa selama tiga (3) bulan dari tarikh permohonan diproses.</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Apakah bukti pembayaran yang akan diterima selepas permohonan saya berjaya?</td><td>Yayasan Perak akan menghantar slip penyata akaun Simpan SSPN Prime kepada pemohon yang berjaya ke alamat yang telah dinyatakan di dalam borang permohonan.</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>Jika permohonan saya ditolak, adakah saya boleh membuat rayuan?</td><td>Tidak.</td></tr>
<tr><td>11.</td><td>Apakah faedah yang akan diterima melalui simpanan SSPN Prime?</td><td>Berdasarkan anggaran kadar keuntungan 4% setahun, inilah jumlah simpanan SELEPAS PENERIMA BERUMUR 18 TAHUN:-
<table>
<tr><th>Simpanan Permulaan</th><th>Contoh Tambahan Simpanan Bulanan</th><th>Anggaran Jumlah Keseluruhan Simpanan</th></tr>
<tr><td>RM 200</td><td>Tiada simpanan</td><td>RM 406.00</td></tr>
<tr><td>RM 200</td><td>RM 50</td><td>RM 15,797.00</td></tr>
<tr><td>RM 200</td><td>RM 70</td><td>RM 21,953.00</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>12.</td><td>Apakah faedah lain Simpanan SSPN Prime berbanding simpanan di Bank, Amanah Saham Bumiputera (ASB), Tabung Haji dan lain-lain?</td><td>Akaun Simpan SSPN Prime adalah produk tabungan pendidikan yang menawarkan pelbagai keistimewaan lain seperti:
<ul>
<li>Pelepasan cukai taksiran LHDN sehingga RM 8,000</li>
<li>Perlindungan takaful percuma bagi pendeposit (Simpanan RM 1,000 ke atas)</li>
<li>Manfaat kematian/ilat kekal Ringgit ke Ringgit</li>
<li>Simpanan dijamin Kerajaan.</li>
</ul></td></tr>
<tr><td>13.</td><td>Bagaimanakah cara untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak?</td><td>Sila layari laman sesawang Yayasan Perak di www.yayasanperak.gov.my atau hubungi Yayasan Perak di talian 05-2552929 untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai bantuan ini.</td></tr>
</table>